

Angkasa perkenal program Emas

KUALA LUMPUR 2 Mac - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan melaksanakan program Eksklusif Manfaat Perubatan Pesara (Emas) melalui anak syarikat MyAngkasa Holding Sdn. Bhd. (MHSB) pada Mei tahun ini.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdul-lah (**gambar**) berkata, program berkonsepkan Takaful yang bakal dilaksanakan melalui kerjasama dengan TA Investment Management Berhad (TA Investment) merupakan inisiatif pertama dilaksanakan di negara ini.

"Inisiatif yang diterajui oleh Angkasa ini turut melibatkan kepakaran dari Malaysia dan organisasi antarabangsa iaitu Eropah, Dubai dan India untuk menyediakan program Emas berkualiti pada kos yang berpatutan.

"Kumpulan sasaran program adalah difokuskan kepada anggota koperasi serta mereka yang menghampiri usia persaraan iaitu lingkungan umur 60 tahun hingga 80 tahun dengan anggaran bayaran RM200,000 dan tidak melebihi RM2,000 setahun," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan majlis menandata-

ngani memorandum persefahaman (MoU) antara MHSB dan TA Investment Berhad berkenaan Pelan Perlindungan Perubatan untuk warga Pesara di sini, hari ini.

Sebelum itu, berlangsung majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara MHSB dan TA Investment yang diwakili oleh Pengarah Bukan Eksekutif TA Investment, Datin Tan Kuay Fong.

Turut hadir, Pengarah Urusan MHSB, Shahrudin Mohamed dan Timbalan Presiden Kanan TA Investment, Rose Razak.

Sementara itu, Rose menjelaskan program Emas adalah salah satu kaedah membantu ahli koperasi yang bersara mendapatkan perkhidmatan perubatan dengan bayaran yang lebih berpatutan.

"Program perintis ditawarkan ini terbuka kepada semua ahli koperasi yang bebas memilih untuk menyumbang dengan cara berbeza melalui mekanisme pembayaran secara bulanan, tahunan atau pembayaran tunggal kurang dari RM2,000 termasuk ahli yang dimasukkan ke hospital, mendapatkan perkhidmatan klinikal serta insurans hayat.

